



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

**Rang Undang-undang Penjenayah Fugutif Komanwel
(Pindaan) 1967**

DR.19/1984

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Penjenayah Fugitif Komanwel 1967.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Penjenayah Fugitif Komanwel (Pindaan) 1984 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri Dalam Negeri melalui pemberitahuan dalam *Warta*. Tajuk, ringkas dan mula berkuatkuasa.

2. Proviso kepada subseksyen (2) seksyen 1 Akta Penjenayah Fugitif Komanwel 1967, yang dalam Akta ini disebut "Akta ibu", adalah dipinda— Pindaan seksyen 1. 54/67.

(a) dengan memasukkan sebelum sahaja perkataan-perkataan "the Republic of Singapore" perkataan-perkataan "Brunei Darussalam and"; dan

(b) dengan menggantikan perkataan-perkataan "that country" di mana jua terdapat dengan perkataan-perkataan "those countries".

3. Seksyen 2 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan takrif "Magistrate" dengan takrif baru yang berikut: Pindaan seksyen 2.

"Magistrate" means a Magistrate of a First Class or a President of a Sessions Court;".

4. Bahagian III Akta ibu adalah dipinda— Pindaan Bahagian III.

(a) dengan memasukkan selepas perkataan "TO" dalam tajuk perkataan-perkataan "BRUNEI DARUSSALAM AND";

- (b) dengan memotong perkataan-perkataan "and section 55 of the Criminal Procedure Code of the Straits Settlements (Cap. 21)" dalam subseksyen (2) seksyen 10; dan
- (c) sebagaimana dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL
(Seksyen 4 (c))

Seksyen	Pindaan
(i) 10 (1) (a) 10 (2) 10 (3) 13 (1) (a) dan (b) Proviso kepada 13 (1) 13 (3) (a) 13 (4) 15 (2) 16 (a), (b) dan (c)	memasukkan sebelum perkataan "Singapore" di mana jua terdapat perkataan-perkataan "Brunei Darussalam or";
(ii) 10 (3) (a) 12 (2)	menggantikan perkataan "Singapore" di mana jua terdapat dengan perkataan-perkataan "Brunei Darussalam or Singapore, as the case may be,";
(iii) 11 (5) 11 (6)	menggantikan perkataan "Singapore" di mana jua terdapat dengan perkataan-perkataan "Brunei Darussalam or Singapore, as the case may be,";
(iv) 12 (1)	menggantikan perkataan-perkataan "of Singapore" dengan perkataan-perkataan "of Brunei Darussalam or Singapore, as the case may be," dan menggantikan perkataan-perkataan "to Singapore" dengan perkataan-perkataan "to Brunei Darussalam or Singapore, as the case may be".

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Penjenayah Fugitif Komanwel 1967, untuk meluaskan peruntukan-peruntukan Bahagian III Akta kepada Brunei Darussalam.

2. Pindaan-pindaan dalam fasal 2, 3 dan 4 memperuntukkan perluasan tersebut.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1295.]